

# Corak Pemikiran TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka dalam Kepimpinan dan Keusahawanan

Mohd Hafizuddin Mejah<sup>1</sup>  
Mohammad Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

## ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menilai corak Pemikiran TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka dalam kepimpinan dan keusahawanan. Berikutnya, corak gaya kepimpinan memainkan peranan yang penting untuk memastikan prestasi kerja dan organisasi meningkat lebih baik dari semasa ke semasa. Objektif kajian ialah mengenalpasti dan meneroka gaya kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka dalam menangani krisis COVID-19 dari segi sosioekonomi, Mengkaji gaya kepimpinan TYT Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali Bin Rustam, Yang Di-Pertua Negeri Melaka dari segi keusahawanan dan Menyelidik cadangan keberkesanan kepimpinan yang berkesan dan aktiviti-aktiviti keusahawanan. Kajian ini memilih Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam (lahir 24 Ogos 1949) merupakan Yang di-Pertua Negeri Melaka yang ketujuh dan terkini sejak 2020. Kaedah temubual mendalam digunakan bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci tentang perkara yang dikaji terhadap TYT. Secara keseluruhannya, negarawan adalah seorang idealis yang praktikal, berpendirian tegas, berani, cekal, yakin dengan kebolehan diri sendiri dan percaya tidak ada apa yang sukar dilakukan sekiranya ada usaha yang bersungguh-sungguh. Tambahan lagi, penulisan kajian ini terdapat beberapa cadangan bagi menambah baik konsep kepimpinan dalam keusahawanan. Kajian ini memberi sumbangan kepada pengetahuan dalam bidang kepimpinan dan keusahawanan berdasarkan keseimbangan konsep kelestarian kepimpinan dan keusahawanan melalui dimensi sosioekonomi, keusahawanan dan keberkesanan konsep kepimpinan TYT.

**Kata kunci:** gaya kepimpinan transformasi, konsep keusahawanan, sosioekonomi, negarawan

## PENGENALAN

Gaya kepimpinan merupakan cara umum seorang pemimpin berkelakuan terhadap rakyat jelata untuk mencapai objektif. Sejauh mana kepimpinan mewakilkan wewenang, cara-cara kuasa yang digunakannya dan keprihatinan relatifnya terhadap hubungan manusia atau orientasi tugas semuanya cenderung mencerminkan gaya kepemimpinan pemimpin (Blake dan Mouton, 2005). Hujah ini disokong oleh para penyelidik yang percaya bahawa gaya kepemimpinan merujuk kepada tingkah laku pemimpin dan itu juga merupakan hasil falsafah, keperibadian, dan pengalaman pemimpin. Yang perlu diperhatikan adalah kenyataan bahawa setiap pertubuhan sistem pemerintahan adalah gabungan individu, tugas dan objektif yang unik. Stogdill (1989) percaya bahawa sistem pemerintahan dan situasi yang berbeza memerlukan gaya kepimpinan yang berbeza. Menguatkan hal yang disebutkan di atas, Rowe (2007) menyatakan bahawa, dalam keadaan darurat ketika ada sedikit masa untuk menyepakati perjanjian dan di mana pihak berkuasa yang dilantik mempunyai pengalaman atau kepakaran yang jauh lebih banyak daripada pasukan lain, gaya kepemimpinan autokratik mungkin paling berkesan; namun, dalam pasukan yang sangat bermotivasi dan selaras dengan tahap kepakaran yang homogen, gaya yang lebih demokratik atau laissez-faire